

Rampasan dadah , harta terbesar

3 Oktober 2019

## Rampasan dadah, harta terbesar

■ MIRI 2 OKT.

**P**OLIS menahan tiga pengedar serta merampas dadah dan harta terbesar di Sarawak setakat ini bernilai RM409,917.

Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Dev Kumar M. M Sree berkata, tiga suspek lelaki tempatan masing-masing berusia 32, 38 dan 47 tahun ditahan dalam dua serbuan dilakukan pada Ahad dan Isnin lepas di sebuah rumah kedai serta sebuah rumah di Luak Bay di sini.

"Kita percaya dengan penahanan tiga suspek serta rampasan dadah akan menghentikan buat sementara waktu kegiatan pengedaran dadah di pusat hiburan di sini " katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Daerah Miri hari ini.

Dev berkata, nilai keseluruhan rampasan bagi kedua-dua serbuan itu adalah RM409,917 dengan nilai dadah dirampas ialah RM315,930 dan nilai harta yang disita RM93,987.

Beliau berkata, serbuan

pertama dilakukan pada Ahad pukul 7.40 malam di tingkat satu sebuah rumah kedai di Luak Bay dengan rampasan dadah melibatkan 4,044 biji pil ekstasi seberat 1,260 gram, serbuk ketamin seberat 2,240 gram dan campuran jus buahan serta ketamin seberat 1,830 gram.

"Turut disita ialah sebuah kereta Chevrolet Orlando bernilai RM60,000, sebuah kereta Toyota Camry bernilai RM15,000, wang tunai RM11,095, barang kemas bernilai RM4,892 dan jam tangan bernilai RM3,000," ujarnya.

Beliau berkata, serbuan kedua dilakukan pada pukul 4 petang Isnin lepas di sebuah rumah di Luak Bay dengan rampasan dadah serbuk ketamin seberat 416 gram dan campuran serbuk jus buah-buahan serta ketamin seberat 695 gram.

Katanya, kes disiasat mengikut seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan ketiga-tiga suspek, kesemua penganggur, telah ditahan reman selama tujuh hari mulai 30 September lalu. - BERNAMA